



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
Y A Y A S A N
KEPIMPINAN
P E R D A N A

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	20/01/2018

Masyarakat Siam tak mahu Dr Mahathir jadi PM lagi

BH - 20/1/2018 pg. 6

Tumpat: Masyarakat Siam di negara ini menolak sekiranya jawatan Perdana Menteri diambil semula oleh Tun Dr Mahathir Mohamad yang sudah memerintah cukup lama sebelum ini.

Walaupun menghargai jasa beliau selama 22 tahun menjadi Perdana Menteri, wakil masyarakat Siam, Datuk Seri Boon Som Inong, berkata usia Pengerusi Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) itu yang mencecah 93 tahun, tidak sesuai lagi untuk jawatan penting terbabit.

Terlalu tua pimpin negara

"Kita memang berterima kasih atas jasanya selama 22 tahun memerintah negara, namun dalam usia sebegitu, dia sudah terlalu tua untuk memimpin negara. Pentadbiran masa depan negara bergantung kepada perancangan yang baik, bukan kepada ikon semata-mata," katanya.

Beliau yang juga Pegawai Khas Menteri Besar Kedah berkata demikian selepas menyampaikan Sumbangan Kasih Sayang Perdana Menteri kepada keluarga miskin masyarakat Siam di Wat Sukhomtharam, Kampung Kubang Panjang, di sini semalam.

Masyarakat Siam sokong BN

Seramai 100 penduduk menerima sumbangan makanan harian termasuk minyak masak, bihun, susu pekat dan makanan segera bernilai RM140 setiap satu pada program itu yang turut diisi jamuan tengah hari dihadiri ketua sami seluruh Kelantan, Kedah, Perlis dan Terengganu.

Boon Som berkata, masyarakat Siam di negara ini berjumlah kira-kira 80,000 orang menyokong Barisan Nasional (BN) yang banyak memberi sumbangan dan bantuan kepada komuniti itu terutama dari aspek pendidikan serta penyelenggaraan rumah ibadat.